

19 OCT 2001

Belanjawan-Luar Bandar

PERUNTUKAN TERBESAR RM5.34 BILION UNTUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Belanjawaan 2002 menyediakan peruntukan terbesar pernah diberikan iaitu RM5.34 bilion bagi meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan rakyat luar bandar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia antaranya melibatkan RM1.58 bilion untuk pertanian, RM378 juta bagi pembangunan tanah dan wilayah serta RM392 juta untuk pembangunan kampung dan masyarakat.

"Peruntukan ini termasuk melaksanakan projek jalan luar bandar, jalan kampung serta menyediakan bekalan air dan elektrik," katanya ketika membentangkan Belanjawan itu di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan akan mempertingkatkan tahap liputan bekalan air bersih kepada 99 peratus kawasan di Semenanjung, 75 peratus di Sabah dan Sarawak dan 100 peratus bekalan elektrik menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk tujuan ini, sebanyak RM185 juta disediakan bagi bekalan air luar bandar dengan tumpuan khas diberikan kepada kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak.

Sebanyak RM211 juta disediakan untuk bekalan elektrik luar bandar termasuk kos pemasangan lampu jalan bagi 16,207 kampung di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar, RM202 juta disediakan untuk 383 projek klinik kesihatan sementara 13 projek Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (Bakas) disediakan peruntukan RM8 juta merangkumi sistem bekalan air, tandas sanitari serta pengurusan sisa pepejal dan air limbah.

Program pendidikan luar bandar juga diberi tumpuan dengan RM900 juta diperuntukkan untuk projek sekolah rendah dan menengah manakala RM100 juta disediakan untuk enam projek baru kolej matrikulasi.

Sejumlah RM205.5 juta pula diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan fizikal dan pembinaan makmal sekolah sementara 7,800 unit rumah guru akan dibina dengan peruntukan RM215 juta, katanya.

Untuk meningkatkan pendidikan luar bandar di Sabah dan Sarawak, RM180 juta diperuntukkan untuk pembinaan dan menaikkan taraf rumah guru serta menyediakan bekalan air bersih dan elektrik di sekolah-sekolah.

Dr Mahathir juga berkata RM114.1 juta disediakan bagi pembangunan Orang Asli melibatkan 412 kampung dengan tumpuan terhadap mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan mereka.

-- BERNAMA

MAM ZS PR